SUATU KAJIAN PERBANDINGAN TATA CARA BERSUCI MENURUT AGAMA ISLAM DAN BUDDHISME



PUJIATI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
1996

COMPARISONS OF THE CONCEPT OF PURITY/ SACREDNESS IN ISLAM AND BUDDHISM.

ABSTRACT

This study is an effort to understand the concept of purity/sacredness; the way religious rules are carried out to reach personal holiness/sacredness in Buddhism and Islam.

In the analysis, a hermeneutical approach is emphasised through an understanding of textual interpretations by religious authorities and how texts are understood and practised by a community at the grassroots and how religions are practised as, rituals of culture.

This study has three objectives. The first objective is to demonstrate the importance of the inter-religious approach for the determination of tolerance contained in socially integrated and complex communities. The second objective is to confirm the importance of understanding religious philosophy in determining the universal characteristics of religion. The last objective is to illustrate the importance of determining spritual developments in communities which absorb values of materialism and modernisation during periods of high industrial and technological growth, as well as to show the reciprocity of experiences between intellectuals and common people. Processes of the acculturation of religion and the spiritualism of cultural life exist. in social reality, so that what we view as religious experience is actually a syncrony of convergence of ideals, norms and needs which eventually converge into a 'text' of culture. Hence the text and context of religious systems are interdependent experiences in social life.

The result of this study indicates that sacredness is a universal value of experiential religion in both Islam and Buddhist communities. Hence, the technique of gaining sacredness is through the acculturation of religion on the

one hand and the spiritualism of culture on the other, in both , Islamic and Buddhist communities.

The practice of Islam is related to wider notions of sacredness and in Southeast Asia, it is greatly influenced by pristine, animism and Hinduism where ritual ceremonies such as baptism through flower and lime showers, enrich the experiences of followers towards realising the ultimate values of sacredness and purity in Islam.

Islam emphasises the sacredness of life most strongly through the physical. Physical sacredness is achieved by eliminating any ritual impurity and defilment from one's body or clothing and from the place where prayers are performed. The performance of the physical transcends into the spiritual as a continuity of religious experience . Spiritual sacredness is reached through rendering good deeds such as *husnul khuluq,* willingness and readiness or obedience to follow the Rasulullah s.a.w. subject to God's guideline in both, the *Qur'an* and *Sunnah.*

Buddhism however evokes a different message of sacredness and purity. Spiritual sacredness is found in the soul and thoughts as the determining factor for “goodness”. Buddhism sees life on earth as one of pain and suffering and suggests that the only relief from this pain and suffering is to exclude oneself from the temptation of indulgence in physical acts to perform instead rituals of meditation *(bhavana)* to reach the ultimate goal of ever lasting happiness *(nibbana).*

The state of holiness in Buddhism can also be achieved through monasticism, welfare and the performance of merit activities (offering help to temples or food to monks).

Hence a prevailing difference in methods of approaches to sacredness and purity is the principle of inclusion in Islam of converging physical life with the spiritual and the principle of exclusion in Buddhism

of separating the physical and spiritual. Ultimately what are observed in experiential Islam and Buddhism is the text of interpretation of spriritual ideals by common people, who in everyday life, attempt to discover the most congenial, compromising premise of interpretation.




ABSTRAK

Kajian ini bertujuan memahami konsep kesucian, yaitu cara hukum-hukum agama dipraktikkan untuk membolehkan seseorang mencapai tahap kesucian dalam agama Islam dan Buddhisme.

Pendekatan hermeneutiks digunakan dalam analisis ini; yaitu memberi penekanan tentang satu kefahaman melalui tinjauan tafsiran teks yang dibuat oleh pakar-pakar agama; cara teks difahami dan dipraktikkan oleh masyarakat di peringkat akar umbi, dan cara agama diamalkan sebagai budaya ritual.

Terdapat tiga objektif dalam kajian ini. Objektif pertama ialah untuk menunjukkan pentingnya pendekatan antara agama untuk membolehkan sikap toleransi ditanam dalam masyarakat kita yang bersifat integrasi dan kompleks. Objektif kedua ialah untuk mengesahkan tentang pentingnya kita memahami falsafah agama dalam menentukan ciri-ciri universal sesuatu agama. Objektif yang terakhir pula cuba menunjukkan perlunya dipentingkan perkembangan kerohanian dalam masyarakat kita, yang sekarang ini telah menyerap nilai-nilai kebendaan dan modenisasi, sesuai dengan perkembangan teknologi dan industri maju. Dalam pada itu, kajian ini juga menonjolkan keadaan saling pergantungan pengalaman antara pakar agama yang berlaku dalam kalangan golongan intelektual dan masyarakat biasa. Proses-proses akulturasi agama dan spritualisme kehidupan budaya wujud dalam realiti sosial. Jadi, keadaan yang kita lihat sebagai pengalaman beragama sebenarnya merupakan sinkroni pertumpuan tanggapan, norma
dan keperluan yang akhirnya bertemu dalam satu 'teks' budaya. Oleh itu, 'teks' dan 'konteks' sistem keagamaan merupakan pengalaman yang saling pergantungannya dalam kehidupan sosial.

Hasil kajian mendapati bahawa kesucian merupakan nilai universal pengalaman beragama dalam masyarakat beragama Islam dan juga



masyarakat Buddhisme. Dari itu, kaedah untuk memperolehi kesucian dalam Islam dan Buddhisme ialah menerusi proses akulturasi agama dan juga kaedah spritualisme budaya.

Amalan agama Islam dikaitkan dengan adat dan kesucian. Di Asia Tenggara, amalan ini amat dipengaruhi oleh amalan primitif, animisme dan Hinduisme. Mengikut amalan ini, upacara-upacara amal seperti upacara mandi bunga, mandi limau akan memperkayakan pengalaman pengikut ini dalam usaha mencapai tahap kesucian yang muktamad dalam Islam.

Agama Islam menekankan bahawa kesucian dalaw hidup mestilah dicapai menerusi perlakuan fizikal. Kesuciaan fizikal diperolehi dengan cara membersihkan diri dan menghapuskan kekotoran dalam upacara ritual. Kekotoran pada hadan, pakaian dan tempat solat juga perlu dihapuskan demi merealisasikan tujuan ini. Pelaksanaan kesucian fizikal merupakan tahap penerusan bagi kesucian batin sebagai pengalaman beragama. Kesucian rohani diperolehi dengan cara pengamãlan kesucian akidah dan akhlak yang mulia seperti : *husnul khuluq,* niat dan keikhlasan dan takwa, sebagaimana mencontohi baginda Rasulullah s.a.w. berdasarkan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah dalam *Al-Qur'an* dan *Sunnah.*

Walau bagaimanapun, Buddihsme mengutarakan ajaran yang berbeza tentang kesucian. Kesucian diperolehi dalam jiwa dan pemikiran yang bertindak sebagai faktor penentu bagi sesuatu 'kebaikan'. Buddhisme mengamati kehidupan didunia sebagai penuh dengan penderitaandan kesengsaraan. Amalan ini seterusnya mencadangkan bahawa satu-satunya cara, melepaskan diridaripada penderitaan dan kesengsaraan ini ialah dengan menyisihkan diri daripada keinginan untuk memuaskan nafsu diri melalui perlakuan fizikal. Sebaliknya seseorang itu perlu melakukan amalan meditasi *(bhavana)* untuk mencapai matlamat muktamad kebahagiaan yang tertinggi *nibbana.*

Tahap kekudusan dalam Buddhisme juga dapat dicapai dengan cara



mengamalkan sistem kehidupan rahib di biara dan juga secara mengamalkan aktiviti-aktiviti (menghulurkan bantuan di kuil-kuil dan memberi makanan kepada sami-sami).

Dengan itu, terdapat perbezaan kelaziman dalam kaedah-kaedah mencapai kesucian dalam agama Islam dan Buddhisme. Agama Islam mengamalkan prinsip penglibatan, iaitu menemukan kehidupan llzikal dan kerohanian. Buddhisme pula menekankan prinsip penyisihan, iaitu mengasingkan kehidupan fizikal dengan kerohanian. Akhirnya, perkara yang diperhatikan dalam amalan hidup masyarakat beragama Islam dan Buddhisme ialah tafsiran teks tentang tanggapan-tanggapan kerohanian oleh orang-orang biasa, yang dalam kehidupan seharian cuba menemukan premis-premis tafsiran yang paling sepadan dan yang dapat dikompromi secara bersama.

